**Rujukan : UKM.PDF.100-1/3/1**
**Tarikh : 20 Januari 2023**

**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 3/2023**

Semua Warga
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**KEMUDAHAN PERLINDUNGAN INSURANS PERJALANAN KE LUAR NEGARA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN BAGI STAF DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Sehubungan dengan itu, selaras dengan hasrat mengutamakan kebajikan staf UKM, pihak Universiti menyediakan kemudahan perlindungan insurans perjalanan bagi staf untuk ke luar negara/negara ketiga atas urusan persendirian dengan premium insurans ditanggung oleh UKM sesuai dengan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (Kemudahan Perubatan) Versi 1.0 (2022), Ceraian SR.2.4.1.yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti Secara Pekeliling Bil. 7/2022 bertarikh 19 Oktober 2022.

3. Oleh yang demikian, bersama-sama ini, dilampirkan:

a) Infografik - Tata cara Tuntutan Bagi Kemudahan Perlindungan Insurans Perjalanan Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian bagi warga UKM; dan

b) Borang Tuntutan Bayaran Balik Premium Perlindungan Insurans Perjalanan Untuk Ke Luar Negara/Negara Ketiga.

4. Sebarang pertanyaan lanjut mengenainya boleh diajukan kepada Cik Najatulmuna Hamdan, Ketua Bahagian Pentadbiran dan Kemudahan, Jabatan Pendaftar melalui e-mel : kbpk@ukm.edu.my atau talian : 03-8921 5075.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

*'Optimumkan Sumber, Maksimumkan Produktiviti'*

Yang benar,

**DATO' DR. SYED KAMARUDIN BIN HJ. SADAKKUTHULLA**
Pendaftar

s.k. - Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Bendahari
- Ketua Pustakawan
- Penasihat Undang-Undang
- Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz
- Pengarah, Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani Hospital Pakar Kanak-kanak UKM